



Penyelidik UPM Terima Anugerah Kualiti Sektor Awam 2008



Prof. Dr. Mohd Hair Bejo menerangkan produk penyelidikan kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

PUTRAJAYA, 16 Dis – Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) telah memenangi anugerah Inovasi Penyelidikan antara Sektor Awam dengan Sektor Swasta 2008 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.

Kumpulan dari Fakulti Perubatan Veterinar UPM yang terdiri daripada Prof. Dr. Mohd Hair Bejo, Prof Dr. Aini Ideris dan Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Omar telah menjalankan projek penyelidikan bertajuk 'MyVAC UPM93 Infections Bursal Disease Vaccine'.

Ketua projek kumpulan tersebut, Dr. Mohd Hair berkata projek itu merupakan vaksin untuk merawat wabak penyakit jangkitan bursa (IBD) atau Gumboro pada ternakan ayam akibat virus IBD yang sangat aktif hingga menyebabkan kerugian ekonomi lebih daripada RM72 juta setahun di Malaysia.

"Kerugian ini disebabkan kematian tinggi dan kehilangan daya tahan pada ternakan ayam.

"Rawatan bagi IBD tidak berkesan dan penyakit itu hanya boleh dicegah dengan program vaksinasi dan biosekuriti. Bertolak dari situ kami telah mengkomersilkan MyVAC UPM93 IBD vaksin yang selamat dan berkesan untuk ayam dari jangkitan di ladang," katanya.

Beliau berkata vaksin itu telah lulus kesemua keperluan ujian makmal seperti ujian keselamatan, steriliti, berulang menjadi aktif dan bebas daripada virus lain.

Dr. Mohd Hair berkata kajian membuktikan MyVAC UPM93 IBD selamat, berkesan dan boleh menghasilkan paras antibodi yang tinggi dan melindungi ayam.

Katanya vaksin yang telah berada di pasaran sekarang dan diedarkan oleh Malaysia Vaccines and Pharmaceutical Sdn. Bhd tidak mengganggu tumbesaran dan prestasi ayam.

Anugerah telah disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sempena Majlis Penyampaian Anugerah Kualiti Sektor Awam 2008 baru-baru ini.

Kumpulan tersebut membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM10,000.00, sijil penghargaan berbentuk plak bagi UPM dan sijil penghargaan berbentuk plak bagi sektor swasta iaitu Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals Sdn. Bhd. (MVP).

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.